

**SJK ( C ) PEI HWA JB**  
**BAHASA MELAYU ( PEMAHAMAN ) TAHUN 4**  
**PENILAIAN 1 (MAC 2017)**

**Nama** : \_\_\_\_\_ ( )      **Markah** : \_\_\_\_\_ %  
**Kelas** : **4** ( )      **Tarikh** : \_\_\_\_\_ /3/2017  
**T/tangan Ibu Bapa:** \_\_\_\_\_

**MASA : 1 JAM 15 MINIT**

Arahan :Kertas soalan ini mengandungi **DUA** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**. Kamu dikehendaki menjawab semua soalan dalam kedua-dua bahagian. Tiap-tiap soalan dalam **Bahagian A** mengandungi empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Kamu dikehendaki memilih satu jawapan sahaja. Kemudian tandakan jawapan anda dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan. Bagi soalan **Bahagian B**, jawab dalam kertas soalan.

**Bahagian A (Soalan 1 – 20)**

*Pilih jawapan yang paling sesuai.*

**Soalan 1 dan 2 berdasarkan gambar di bawah.**



1. " \_\_\_\_\_ amat tertarik melihat pemandangan di sini,"kata Sultan Ahmad kepada Datuk Bendahara.  
A. Patik  
B. Beta  
C. Baginda  
D. Tuan hamba
  
2. Sultan Mahmud ialah sultan yang berbudi bahasa dan sayang akan rakyatnya. Oleh itu, \_\_\_\_\_disukai dan dihormati oleh rakyat.  
A. baginda  
B. tuanku  
C. adinda  
D. tuan hamba


3. Hong Ling ialah sahabat pena saya. \_\_\_\_\_ akan menghadiri majlis hari jadi saya.

- A. Dia
- B. Kamu
- C. Saya
- D. Kita

4. "Pementasan drama \_\_\_\_\_ sungguh menarik. \_\_\_\_\_ sungguh seronok menyaksikannya," kata Ben Li kepada Kai Chun.

- A. sana ... Saya
- B. ini .... Kita
- C. ini ... Saya
- D. itu ... Dia

**Soalan 5 berdasarkan gambar.**



5. \_\_\_\_\_ cuba lihat di sana. \_\_\_\_\_ Guru Besar sekolah kita ada menghadiri majlis kesyukuran adik kita.

- A. Abang ..... Datuk
- B. Abang ..... Tuan
- C. Encik ..... Puan
- D. Tuan ..... Tuan

**Soalan 6 berdasarkan gambar.**



6. "Tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat \_\_\_\_\_ Aiman dan \_\_\_\_\_ Siti kerana majlis rumah terbuka kalian sangat meriah," kata Tuan Inspektor Lim.
- A. Tuan ... Encik  
B. Puan ... Datuk  
C. Encik ... Datin  
D. Datuk ... Datin
7. "\_\_\_\_\_hendaklah sama-sama memupuk semangat cinta akan negara," kata Cikgu Minah kepada murid-muridnya.
- A. Mereka  
B. Kalian  
C. Kita  
D. Beta
8. Saya akan \_\_\_**hadir**\_\_\_ *diri* ke majlis kelahiran anak awak pada hari Sabtu ini.
- A. me-...-kan  
B. di-...-kan  
C. meng-...-kan  
D. ke-...-an
9. Cikgu Rohaya dan murid-murid Tahun 4 Cerdik mengadakan majlis untuk \_\_\_**rai**\_\_\_ Ah Meng sempena hari lahirnya selepas waktu persekolahan.
- A. me-...-kan  
B. di-...-kan  
C. meng-...-kan  
D. ke-...-an

10. \_\_\_\_\_ awak melawat ke Rumah Kanak-Kanak Seri Intan pada Khamis ini di Taman Perling?
- A. Di manakah
  - B. Bilakah
  - C. Siapakah
  - D. Adakah
11. "Awak akan \_\_\_\_\_ pertandingan itu?" tanya Kai Chun kepada Mei Ling.
- A. menyertai
  - B. membukakan
  - C. menghadirkan
  - D. menjemputkan
12. Isteri Encik Lee telah melahirkan anak lelaki di hospital semalam. Oleh itu, Encik Lee akan mendaftarkan kelahiran anaknya di \_\_\_\_\_ pada hari ini.
- A. pejabat pendaftaran
  - B. balai bomba
  - C. perpustakaan
  - D. pasar raya
13. Ibu Mohan dan Dewi telah melahirkan adik baharu. Mereka sangat \_\_\_\_\_ adik mereka kerana sangat comel.
- A. mendoakan
  - B. mengangkatkan
  - C. dipakaikan
  - D. menyayangi
14. Semua murid SJK (C) Pei Hwa telah \_\_\_\_\_ kelas dengan cantik sempena perayaan Tahun Baru Cina.
- A. mengadakan
  - B. menghias
  - C. bersemangat
  - D. bersungguh

15. Mohan sangat gembira apabila \_\_\_\_\_ hadiah daripada guru besar sempena kejayaannya memperoleh Anugerah Tokoh Pelajar Cemerlang Tahun 4.

- A. menerima
- B. berharap
- C. bersedia
- D. menepati

**Soalan 16.**

Pilih **ayat** yang betul.

- A. Banyak kuih-muih yang dijual di bazar Ramadan ?
- B. Encik Lim menolongkan bersama jiran tetangganya!
- C. Tiap-tiap pagi, Siti akan bangun awal untuk menyediakan sarapan.
- D. Pada 31 Ogos setiap tahun, kita akan disambut kemerdekaan.

**Soalan 17 hingga 20**

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sambutan Hari Ulang Tahun Kelahiran

Hari ini ialah hari lahir Kai Chun, Aznan dan Herina yang ke-10. Cikgu Rohaya dan murid-murid Tahun Empat Murni mengadakan majlis untuk menyambut hari lahir mereka selepas waktu persekolahan.

Semua murid bekerjasama menghias kelas supaya kelihatan ceria. Mereka juga membawa kek, nasi goreng, biskut dan kuih-muih. Mereka menghidangkan juadah tersebut di atas meja. Selepas itu, ketua kelas **mengundang** beberapa orang guru dan murid untuk memeriahkan majlis itu.

"Silalah masuk ke kelas kami,"kata Kai Chun kepada tetamu yang datang.

"Wah, cerianya kelas dan banyaknya makanan!" kata seorang daripada mereka.

"Majlis ulang tahun kelahiran ini diraikan untuk siapa?" tanya Cikgu Lim dari kelas sebelah pula.

"Majlis ini untuk Kai Chun, Aznan dan Herina," beritahu Cikgu Rohaya. Seterusnya, majlis dimulai dengan nyanyian lagu "Selamat Hari Lahir". Mereka bertepuk tangan selepas Kai Chun, Aznan dan Herina meniup api lilin di atas kek. Suasana pada hari itu sangat meriah.

17. Mengapakah semua murid menghias kelas supaya kelihatan ceria?
- A. Semua murid menghias kelas supaya kelihatan ceria kerana Hari Raya.
  - B. Semua murid menghias kelas supaya kelihatan ceria kerana pertandingan kebersihan.
  - C. Semua murid menghias kelas supaya kelihatan ceria kerana sambutan hari ulang tahun kelahiran.
  - D. Semua murid menghias kelas supaya kelihatan ceria kerana telah dimarahi oleh guru kelas.
18. Bilakah majlis sambutan hari ulang tahun kelahiran ini diadakan ?
- A. Majlis sambutan hari ulang tahun kelahiran ini diadakan pada waktu pagi.
  - B. Majlis sambutan hari ulang tahun kelahiran ini diadakan pada cuti sekolah yang lalu.
  - C. Majlis sambutan hari ulang tahun kelahiran ini diadakan pada waktu rehat.
  - D. Majlis sambutan hari ulang tahun kelahiran ini diadakan selepas waktu persekolahan.
19. Di manakah kek, nasi goreng, biskut dan kuih-muih dihidangkan?
- A. Kek, nasi goreng, biskut dan kuih-muih dihidangkan di atas meja.
  - B. Kek, nasi goreng, biskut dan kuih-muih dihidangkan di atas lantai.
  - C. Kek, nasi goreng, biskut dan kuih-muih dihidangkan dalam dulang.
  - D. Kek, nasi goreng, biskut dan kuih-muih dihidangkan di kedai.
20. Apakah maksud perkataan "**mengundang**"?
- A. meraikan
  - B. mengangkat
  - C. menjemput
  - D. melahirkan

**BAHAGIAN B**

(30 MARKAH)

**Soalan 21**

**Padankan ragam ayat yang betul bagi ayat-ayat yang diberikan.**

Ayat penyata

Ayat tanya

Ayat perintah

Ayat seruan

Tolong susun pasu bunga ini di tepi longkang.

Wah, cantiknya jambangan bunga itu!

Bilakah majlis kesyukuran itu akan diadakan?

Bayi perempuan itu sangat comel.

( 4 markah )

**Soalan 22**

**a. Tulis dialog yang paling sesuai bagi situasi di bawah.**

Mei Ling, tolong ibu susun pinggan yang sudah siap dicuci ini ke atas meja.



\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

( 2 markah )

b. Lengkapkan ayat di bawah dengan **bandingan semacam** yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang diberi.

lambat seperti kura-kura

rajin seperti semut

angkuh seperti merak

1. Mohan selalu mendapat tempat yang pertama dalam peperiksaan. Namun begitu dia tidak disukai oleh kawan-kawannya kerana dia \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

2. Budak yang berbadan besar itu paling akhir sampai ke garisan penamat semasa merentas desa kerana dia berlari \_\_\_\_\_ .

3. Mei Ling suka membantu ibu bapa, guru dan kawannya. Mei Ling selalu menyiapkan kerja yang diberikan oleh guru dan ibu bapanya kerana dia \_\_\_\_\_ .

( 3 markah )

### Soalan 23

**Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.**

#### Sekolah Saya Ceria

Kai Chun dan kawan-kawannya mengadakan aktiviti mengemaskan dan membersihkan sekolah. Mereka ingin **menceriakan** sekolah. Sekolah mereka akan terlibat dalam pertandingan kebersihan peringkat daerah.

Mula-mula, Kai Chun dan kawan-kawannya membaiki meja dan kerusi yang rosak. Meja dan kerusi yang tidak dapat dibaiki telah dileraikan. Kayu-kayu tersebut dijadikan sebagai taman herba sekolah.

Nisah, Siew Min dan Ratna pula mengecat bilik darjah. Mereka mengecat dengan warna yang dipilih oleh guru. Warna memainkan peranan yang penting supaya kelihatan cantik.

Aznan dan Herina mengemaskan buku-buku di pondok bacaan. Buku-buku disusun dan disimpan di rak. Rak-rak itu dilabelkan supaya murid-murid dapat meletakkan buku-buku pada tempatnya.

Selepas tamat aktiviti itu, guru besar mengucapkan terima kasih dan mengadakan jamuan untuk mereka di kantin. Kai Chun dan kawan-kawannya sangat seronok. Sekolah mereka semakin ceria.



a. Maksud perkataan **menceriakan** dalam petikan ialah \_\_\_\_\_  
( 1 markah )

b. Apakah tujuan aktiviti mengemaskan dan membersihkan ini diadakan?

---

---

( 2 markah )

c. Nyatakan tugas Aznan dan Herina semasa aktiviti mengemaskan dan membersihkan sekolah ?

Aznan : \_\_\_\_\_

Herina : \_\_\_\_\_

( 2 markah )

d. Mengapakah Kai Chun dan kawan-kawannya sangat seronok ketika tamat aktiviti mengemaskan dan membersihkan sekolah ?

---

---

---

( 2 markah )

## Soalan 24

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Haikal, John dan Leong bersahabat baik semenjak kecil lagi. Mereka hidup sekampung dan bersekolah di sekolah yang sama. Ketiga-tiganya murid Tahun Enam. Mereka sentiasa berlumba-lumba dalam pelajaran. Masing-masing ingin menduduki tempat teratas dalam kelas.

Dalam Peperiksaan Percubaan UPSR tempoh hari, ketiga-tiganya mencapai keputusan yang baik. Di dalam kelas mereka, John muncul sebagai pelajar terbaik bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, manakala Leong mendapat markah tertinggi bagi Bahasa Inggeris. Haikal pula mendapat 100 peratus dalam Matematik.

Guru kelas mereka sungguh bangga dengan pencapaian ketiga-tiga muridnya. Guru mereka juga kagum dengan cara mereka belajar. Mereka saling membantu dalam menghadapi apa-apa jua keadaan dan akan cuba menyelesaikannya secara berbincang.

Selain itu, mereka mempunyai sikap-sikap yang baik sehingga disukai orang ramai. Di kampung, mereka menolong ibu bapa dan juga sentiasa bersedia membantu orang kampung. Orang kampung juga sangat suka akan mereka kerana mereka juga tidak sombong. Apabila berselisih dengan orang lain, mereka tidak pernah bermasam muka, sebaliknya menegur orang itu dengan ramah.

a. Haikal, John dan Leong sangat rapat kerana \_\_\_\_\_ .

( 1 markah )

b. Apakah pencapaian Haikal, John dan Leong dalam Peperiksaan Percubaan UPSR tempoh hari ?

---

---

---

( 3 markah )

c. Bagaimanakah Haikal, John dan Leong belajar untuk mencapai keputusan yang bagus ?

---

---

( 2 markah )

d. Apakah sikap-sikap yang ada pada Haikal, John dan Leong yang menyebabkan mereka disukai orang ramai?

( 2 markah )

### Soalan 25

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

#### LAWATAN KE RUMAH KANAK-KANAK SERI INTAN

Anjuran : Persatuan Bahasa Melayu SJK (C) Pei Hwa

Tarikh : 3 Mac 2017 (Ahad)

Masa : 8.00 pagi-6.00 petang

★ Murid berkumpul di Dewan SJK (C) Pei Hwa pada pukul 7.30 pagi.

#### Atur Cara Aktiviti

8.45 pagi : Nyanyian Lagu Negaraku  
9.00 pagi : Ucapan Pengurus Rumah Kanak-kanak Seri Intan  
9.15 pagi : Persembahan  
10.00 pagi : Minum pagi  
10.15 pagi : Gotong-royong membersihkan kawasan Rumah Kanak-Kanak Seri Intan  
1.00 tengah hari : Rehat dan makan tengah hari  
2.00 petang : Sukaneka  
4.30 petang : Penyampaian hadiah  
4.45 petang : Minum petang dan bersurai

a. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah berdasarkan pantun tersebut.

Murid-murid yang pergi ke lawatan Rumah Kanak-Kanak Seri Intan perlu berada di Dewan SJK (C) Pei Hwa pada pukul 7.30 pagi.	
Lawatan Rumah Kanak-Kanak Seri Intan telah dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Melayu SJK (C) Seri Intan.	

( 1 markah )

b. Nyatakan dua aktiviti yang dilakukan oleh murid-murid SJK (C) Pei Hwa di Rumah Kanak-Kanak Seri Intan yang dapat memupuk semangat bekerjasama?

( i ) \_\_\_\_\_

( ii ) \_\_\_\_\_

( 2 markah )

c. Apakah nilai yang dapat diperolehi daripada program Lawatan ke Rumah Kanak-Kanak Seri Intan?

( i ) \_\_\_\_\_

( ii ) \_\_\_\_\_

( iii ) \_\_\_\_\_

( 3 markah )

Disediakan oleh : Encik Muhammad Akmal bin M Sekak

Disemak oleh : Encik Chiau Boon Wei